

4.1 DEFINISI PENYATA KEWANGAN

1. Apakah maksud penyata kewangan?
 - A Satu bentuk laporan yang menunjukkan harta dan hutang perniagaan.
 - B Penyata yang menunjukkan strategi dan ekuiti pemilik perniagaan.
 - C Penyata yang menunjukkan punca perolehan dan penggunaan dana/tunai bagi suatu tempoh tertentu..
 - D Satu bentuk laporan yang menunjukkan kedudukan kewangan sesebuah perniagaan bagi suatu tempoh tertentu

BELANJAWAN KOS

1. Apakah contoh yang sesuai bagi kos berubah yang perlu dibiayai oleh usahawan?
 - A Pembelian mesin
 - B Pembelian bahan mentah
 - C Pembayaran faedah pinjaman
 - D Pembayaran sewaan bangunan

4.4 MENGANALISIS KEPENTINGAN PENYATA KEWANGAN TERHADAP OPERASI KEWANGAN

1. Mengapakah analisis Titik Pulang Modal (TPM) sangat penting kepada sesebuah perniagaan?
 - A Membolehkan perniagaan merancang pengeluaran untuk memperoleh keuntungan sasaran
 - B Menjamin keberuntungan perniagaan
 - C Memerlukan cagaran dalam bentuk harta
 - D Memastikan produk yang dijual disukai ramai
2. Mengapakah penyediaan kunci kira-kira penting kepada seorang usahawan
 - A. Merancang perjalanan operasi perniagaan
 - B. Mengetahui jumlah keuntungan perniagaan
 - C. Mengenalpasti tanggungan perniagaan kepada pihak luar
 - D. Meramal pencapaian prestasi perniagaan pada masa hadapan

3. Pihak berkepentingan manakah yang memerlukan penyata kewangan untuk membuat keputusan memberikan kemudahan kredit dagangan kepada perniagaan?
- A Pemilik
 - B Pelabur
 - C Pembekal
 - D Pembiaya